



## INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW, GOVERNMENT AND COMMUNICATION (IJLGC)

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



# ANALISIS ISU DAN KONFLIK BERKAITAN PERTIKAIAN HARTA PUSAKA DI MAHKAMAH SYARIAH

## *ANALYSIS OF ISSUES AND CONFLICTS RELATED TO INHERITANCE DISPUTES IN SYARIAH COURTS*

Noor Ainol Bazilah Ismail<sup>1</sup>, Afiffudin Mohammed Noor<sup>2</sup>, Fathullah Asni<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Malaysia  
Email: ainolbazilah2206@gmail.com

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Malaysia  
Email: afiffudin@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia  
Email: fathullah@usm.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 06.10.2024

Revised date: 24.10.2024

Accepted date: 12.11.2024

Published date: 12.12.2024

#### To cite this document:

Ismail, N. A. B., Noor, A. M., & Asni, F. (2024). Analisis Isu Dan Konflik Berkaitan Pertikaian Harta Pusaka Di Mahkamah Syariah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (38), 96-110.

DOI: 10.35631/IJLGC.938008

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Mahkamah Syariah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Senarai 2 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Syariah berperanan dalam mendengar dan memutuskan kes-kes yang melibatkan undang-undang Syariah dalam pengurusan dan pentadbiran harta Islam. Dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang terhad iaitu mengeluarkan sijil faraid dan menentukan pembahagian waris dalam harta pusaka. Selain itu, Mahkamah Syariah juga turut berperanan dalam menyelesaikan pertikaian yang berkait rapat dengan harta pusaka seperti harta amanah si mati merangkumi wasiat, hibah, wakaf, nazar dan zakat, yang mana ia perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembahagian harta pusaka dibuat. Justeru, hanya harta yang disahkan sebagai pusaka sahaja yang layak dibahagikan kepada ahli waris yang berhak. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam serta menganalisis isu dan konflik berkaitan pertikaian harta pusaka Islam berdasarkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Metodologi kajian ini adalah kualitatif, di mana data dikumpul melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan dijalankan dengan meneliti buku, artikel, statut dan pekeliling berkaitan. Dari aspek praktikal, kajian lapangan telah dijalankan dalam kaedah temu bual tidak berstruktur dengan dua orang informan yang terdiri seorang hakim dan seorang lagi pegawai sulh di Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa

isu pewarisan yang dikenal pasti adalah berpunca daripada isu sosial. Isu sosial tersebut adalah berpunca daripada sikap sebahagian ahli waris yang tamak dan tidak bertolak ansur sesama ahli waris dan saudara-mara walaupun Mahkamah Syariah telah memutuskan pembahagian pusaka terhadap semua ahli waris yang layak. Justeru, beberapa cadangan telah digariskan dalam kajian ini untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat terhadap ilmu faraid.

**Kata Kunci:**

Mahkamah Syariah, Pusaka, Muslim, Pentadbiran, Harta

**Abstract:**

The Syariah Court is under the state government's jurisdiction as stated in the Ninth Schedule of List 2 of the State List of the Federal Constitution. The Syariah Court plays a role in hearing and deciding cases involving Syariah law in managing and administrating Islamic property. In the administration of Muslim inheritance, the Syariah Court has limited jurisdiction to issue a faraid certificate and determine the distribution of heirs in the inheritance. In addition, the Syariah Court also plays a role in resolving disputes closely related to inheritance such as trust property of the deceased including wills, grants, waqf, vows and zakat, which must be resolved first before the division of inheritance is made. Therefore, only property certified as inheritance can be divided among the rightful heirs. The purpose of this study is to identify the role of the Syariah Court in the administration of Muslim inheritance as well as to analyze issues and conflicts related to Islamic inheritance disputes based on the jurisdiction of the Syariah Court. The methodology of this study is qualitative, where data is collected through library and field research. Library research is conducted by examining related books, articles, statutes and circulars. From a practical aspect, the field study was conducted using an unstructured interview method with two informants, a judge and a sulu officer at Pasir Mas Syariah Lower Court. The findings of the study show that social issues cause the identified inheritance issues. The social issue is caused by the attitude of some heirs who are greedy and do not tolerate their fellow heirs and relatives even though the Syariah Court has decided the division of the inheritance against all eligible heirs. Therefore, this study has outlined some suggestions to increase the community's knowledge of faraid.

**Keywords:**

Syariah Court, Inheritance, Muslim, Administration, Property

## Pengenalan

Harta pusaka adalah harta peninggalan si mati yang perlu diuruskan dengan cekap agar pembahagian kepada waris yang berhak dapat diuruskan dengan tepat dan segera. Selain itu, harta pusaka merupakan salah satu perkara yang penting dalam kehidupan manusia. Ini kerana, harta yang diperoleh melalui pembahagian harta pusaka dapat menjamin kehidupan ahli waris pada masa hadapan. Pembahagian harta pusaka telah dijelaskan secara terperinci dalam al-Quran. Ia merupakan kaedah yang berlandaskan prinsip undang-undang Syariah dan sebagai ketetapan yang memberikan keadilan secara menyeluruh (Asni et al., 2021).

Di Malaysia, terdapat tiga agensi yang memainkan peranan penting dalam menguruskan pentadbiran harta pusaka iaitu Bahagian Pembahagian Warisan, Pentadbiran Pusaka dan

Mahkamah Tinggi Sivil. Umumnya, Mahkamah Syariah merupakan salah satu institusi perundangan yang bertanggungjawab terhadap perkara yang melibatkan harta pusaka bagi orang Islam. Walau bagaimanapun, tidak semua urusan berkaitan harta pusaka diuruskan oleh Mahkamah Syariah, sebaliknya turut melibatkan institusi lain. Ini kerana, bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah terhad dalam menjalankan pentadbiran harta pusaka orang Islam di Malaysia (Abdullah et al., 2020).

Bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam di Malaysia adalah mengesahkan harta pusaka yang berhak diperolehi oleh ahli waris dan mengesahkan kadar pembahagian harta pusaka. Mengikut Seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam 1993, telah memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah berhak untuk menentukan bahagian ahli waris dan yang berhak mendapat pusaka. Justeru, dalam menjalankan pentadbiran harta pusaka orang Islam, Mahkamah Syariah tidak terlepas daripada masalah atau konflik yang melibatkan harta orang Islam (Abu et al., 2022). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam serta menganalisis isu dan konflik berkaitan pertikaian harta pusaka Islam berdasarkan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

## Sorotan Kajian

### **Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam**

Pentadbiran pusaka bermaksud proses pentadbiran harta dan tuntutan harta oleh waris selepas kematian seseorang. Dengan kata lain, pentadbiran harta pusaka ialah proses menentukan hak dan pemindahan hak milik serta pemilikan semua aset secara sah selepas kematian seseorang. Selain itu, penulisan wasiat juga dikategorikan sebagai pentadbiran pusaka. Ini kerana, ia menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti permintaan seseorang individu dalam isu harta pusaka selepas berlaku kematian. Begitu juga pengurusan harta dan hutang selepas kematian juga merupakan pentadbiran harta pusaka kerana ia merangkumi proses mengurus hak dan proses perundangan untuk membahagikan harta kepada waris (Nor dan Azhar, 2018).

Proses ini melibatkan proses permohonan oleh orang yang berkelayakan untuk mentadbir harta pusaka, proses mencari harta pusaka, permohonan perintah dan pengeluaran perintah untuk membahagikan harta pusaka itu sendiri. Ini bermakna proses itu melibatkan kerajaan, pihak berkuasa berkaitan, Mahkamah, waris dan keluarga. Prosesnya adalah melalui pematuhan kepada gabungan undang-undang sivil, undang-undang Syariah dan perkongsian kuasa antara pihak yang terlibat. Selain itu, Abu Bakar et al. (2019) mendapati bidang kuasa pentadbiran harta pusaka terkandung dalam Enakmen Pentadbiran Negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Namun, undang-undang yang digunakan dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam dan bukan Islam di negara ini ialah Akta Pusaka Kecil 1955, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Menurut Yusoff et al. (2021), umumnya terdapat tiga badan pentadbiran yang mempunyai bidang kuasa untuk mentadbir harta pusaka si mati selari dengan tiga jenis pusaka yang dinyatakan di atas iaitu Mahkamah Tinggi Sivil, Bahagian Warisan Kecil dan Amanah Raya Berhad. Setiap agensi ini bertanggungjawab untuk mentadbir harta pusaka mengikut nilai dan jenis harta pusaka sama ada harta pusaka kecil, harta pusaka mudah mahupun harta pusaka besar. Oleh itu, kepentingan pentadbiran harta pusaka ini perlu diteliti bagi memastikan waris

yang masih hidup mewarisi harta si mati. Ini kerana, jika ia tidak ditadbir dengan betul, pembahagian harta pusaka akan menjadi satu urusan yang rumit dan memberi tekanan serta mencetuskan kebimbangan terhadap ahli waris.

Berdasarkan undang-undang di Malaysia, harta pusaka boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu harta pusaka kecil, harta pusaka besar dan harta pusaka mudah alih. Pengelasan harta pusaka kepada ketiga-tiga jenis ini adalah berdasarkan beberapa faktor, antaranya jumlah harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati, harta alih dan harta tak alih si mati, dan sama ada si mati meninggalkan wasiat ataupun tidak. Berikut adalah butiran tentang jenis harta pusaka dan pentadbirannya di Malaysia (Abdullah et al., 2020):

### ***Harta Pusaka Kecil***

Dalam pentadbiran harta pusaka, harta terbahagi kepada dua jenis iaitu harta alih dan harta tak alih. Mengikut seksyen 2, Akta Tafsiran 1967, harta tak alih ialah tanah di mana kepentingan, hak atau faedah diperolehi atau akan diperolehi daripada tanah, manakala harta alih itu kesemuanya harta selain daripada harta tak alih. Harta pusaka kecil ditakrifkan sebagai harta peninggalan si mati tanpa wasiat yang hanya terdiri daripada harta tak alih atau gabungan harta tak alih dan harta alih dengan jumlah nilai kurang daripada RM2,000,000.00 pada tarikh permohonan dibuat. Oleh itu, harta tak alih merujuk kepada harta yang tidak boleh dipindahkan atau dipindahkan dari satu lokasi ke lokasi lain, seperti tanah, rumah di atas tanah, rumah pangsa, pangsapuri, kondo dan sebagainya. Sebaliknya, harta alih ialah harta yang boleh dipindahkan atau dipindahkan dari satu lokasi ke lokasi lain, seperti wang tunai, saham, KWSP, kenderaan, akaun, dan sebagainya.

### ***Harta Pusaka Besar***

Secara amnya, harta pusaka si mati boleh dibahagikan kepada tiga jenis apabila dilihat dari sudut sama ada si mati meninggalkan wasiat atau tidak:

- i. Harta pusaka wasiat ialah harta yang ditinggalkan oleh si mati melalui wasiat.
- ii. Harta pusaka tidak berwasiat ialah harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati tanpa membuat sebarang wasiat.
- iii. Pusaka separuh wasiat ialah harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati melalui wasiat dan sebahagian lagi tidak termasuk dalam wasiat. Tiga jenis harta pusaka si mati boleh termasuk sama ada harta pusaka kecil, harta pusaka besar atau harta pusaka mudah alih dan ini tertakluk kepada jumlah nilai harta pusaka. Harta pusaka besar ditakrifkan sebagai harta pusaka yang mempunyai nilai keseluruhan melebihi RM2,000,000.00, sama ada ia terdiri daripada harta alih atau harta tak alih, atau harta pusaka dengan nilai keseluruhan kurang daripada RM2,000,000.00 tetapi si mati telah meninggalkan wasiat. Permintaan untuk writ pentadbiran dan pembahagian harta pusaka besar hendaklah dibuat hanya di Mahkamah Sivil Tinggi.

### ***Harta Mudah Alih***

Harta pusaka mudah alih ialah harta pusaka tanpa wasiat yang nilai keseluruhannya tidak melebihi RM600,000.00 yang terdiri daripada harta alih sahaja seperti wang tunai, saham, KSWP, ASM, ASB, dan lain-lain. Permohonan penyelesaian dan pembahagian pusaka mudah hendaklah dibuat melalui Pegawai Tadbir Pusaka mengikut peruntukan Seksyen 17, Akta Perbadanan Amanah 1995. Kategori ini hanya merangkumi harta alih dengan jumlah nilai kurang daripada RM600,000.00. Contohnya, sekiranya si mati meninggalkan harta alih seperti

lembu, kerbau, saham, wang simpanan bank, tabung haji dan sebagainya, waris si mati boleh mendapatkan pindah milik atau pembahagian harta alih tersebut tanpa memohon kuasa wakil.

### ***Mahkamah Rendah Syariah***

Secara umumnya, Mahkamah Syariah mempunyai dua bidang kuasa iaitu jenayah dan mal. Dalam bidang kuasa jenayah, Mahkamah Rendah Syariah mempunyai kuasa untuk membincangkan kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 atau undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan terhadap keharmonian agama Islam yang mana hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen tidak melebihi RM3000.00, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun, atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu. Menurut Seksyen 62(2) (b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003, Mahkamah Rendah Syariah dalam bidang kuasa mal mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Syariah Tinggi diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskan sama ada jumlah atau nilai perkara yang dipertikaikan tidak melebihi RM100,000.00 atau tidak boleh dianggarkan dengan wang dan ini tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian.

### ***Mahkamah Tinggi Syariah***

Dalam bidang kuasa jenayah, Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai kuasa untuk membincangkan kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam yang boleh dihukum di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 atau undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan terhadap rukun Islam, dan untuk mengenakan apakah hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut. Selain itu, Mengikut Seksyen 61(3)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003, Mahkamah Tinggi Syariah dalam bidang kuasa mal mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan segala tindakan dan prosiding sekiranya semua pihak beragama Islam dan tindakan itu atau prosiding adalah berkaitan dengan:

- i. Pertunangan, nikah, ruju', cerai, fasakh, nusyuz, faraq atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan hubungan suami isteri.
- ii. Pembahagian atau harta sepencarian.
- iii. Wakaf atau nazr.
- iv. Pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat.
- v. Menentukan siapa yang berhak mendapat bahagian harta pusaka orang Islam yang meninggal dunia atau bahagian harta pusaka yang setiap orang berhak.

### ***Mahkamah Rayuan Syariah***

Menurut Seksyen 52(1) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam 1993, Mahkamah Rayuan Syariah mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan sebarang rayuan daripada keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam melaksanakan bidang kuasa asalnya atau rayuan daripada keputusan Mahkamah Rendah Syariah yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah jika ia berkaitan dengan undang-undang untuk kepentingan awam (Seksyen 52(2)). Berdasarkan peruntukan tersebut, jelas bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang jelas terhadap perkara yang dinyatakan. Ini termasuk pembahagian dan pewarisan berwasiat serta tidak berwasiat serta penentuan siapa yang berhak mendapat bahagian harta pusaka si mati atau bahagian bahagian yang terhutang kepadanya oleh orang berkenaan.

### **Pewarisan dalam Islam**

Harta pusaka ialah harta yang ditinggalkan oleh seseorang yang telah meninggal dunia untuk diwarisi oleh ahli waris yang telah ditentukan oleh Syarak. Harta yang dimaksudkan ialah semua baki yang termasuk harta alih dan harta tak alih setelah ditolak semua hutang dan obligasi yang perlu diberikan kepada pihak yang berhak mengikut undang-undang. Harta yang diniatkan tidak termasuk harta yang telah diberikan kepada orang lain semasa hayatnya, harta yang telah dijual oleh si mati, harta yang telah dilupuskan, harta yang dipegang secara amanah oleh si mati, pencen ganjaran dan Perkeso serta pemberian semasa ziarah si mati. Harta pusaka ialah harta peninggalan si mati untuk digunakan oleh warisnya (Ahmad et al., 2020).

Menurut Ahmad (2017), Sistem Pembahagian Warisan Islam lebih memfokuskan kepada ilmu faraid. Konsep harta pusaka yang dibincangkan merangkumi definisi faraid, rukun-rukun pusaka, syarat-syarat pewarisan, sebab-sebab yang menghalang pewarisan dan perkara-perkara berkaitan harta pusaka. Ahmad et al. (2017) menjelaskan konsep perancangan harta pusaka dengan menjelaskan faraid sebagai asas perancangan harta pusaka dan dibantu dengan instrumen lain seperti wakaf, wasiat dan hibah dalam perancangan harta pusaka. Selain itu, menurut Said et al., (2019), membahagikan harta tersebut kepada dua kategori iaitu:

a. Harta alih

Harta alih ialah harta yang boleh dialih atau ditukar dari tempatnya sama ada dalam bentuk dan keadaan kekal dengan cara dipindah milik atau ditukar dalam bentuk seperti wang, barang perniagaan, saham, akaun simpanan bank, simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), insurans, kelengkapan rumah, kenderaan, barang kemas, ASB dan lain-lain.

b. Harta tak alih

Harta tak alih ialah harta yang tidak boleh dipindah atau diubah daripada tempat asalnya seperti tanah, bangunan, kebun, ladang dan rumah.

### **Isu berkaitan Warisan**

Isu harta pusaka tidak dituntut oleh waris menjadi perbincangan hangat berikutan peningkatan jumlahnya pada saban tahun. Harta yang dibekukan ialah harta seseorang yang masih ditanah daripada sebarang transaksi atau urusan pembahagian kepada waris selepas kematian pemilik harta sebelum proses pentadbiran yang sempurna diproses. Harta benda yang dibekukan merupakan suatu isu yang semakin kritikal, dan keadaan itu dilihat semakin membimbangkan (Mahamood, 2020). Wan et al. (2021) menyatakan bahawa faktor utama berlakunya masalah harta pusaka tidak dituntut atau dibekukan ialah sikap waris seperti perbalahan sesama waris, kejahilan hukum berkaitan pembahagian harta pusaka, tidak memahami hukum faraid dan lain-lain.

Selain itu, Rahman et al. (2018) menyatakan bahawa isu dan konflik sering timbul kerana kurangnya pengetahuan dalam pengurusan harta pusaka berikutan proses pembahagian harta pusaka yang semakin rumit dan berlakunya penipuan serta perselisihan dalam kalangan waris. Menurutnya, sekiranya tiada perancangan awal dibuat dan waris si mati masih hidup, kekurangan pengetahuan mengenai pengurusan harta pusaka Islam dalam hal ini menyebabkan pengurusan harta pusaka tertangguh. Proses sebenar yang mesti dilalui dalam membuat tuntutan selepas kematian boleh mencetuskan perselisihan dan putusnya hubungan persaudaraan (Salleh dan Mahamood, 2019).

Tambahan pula, direkodkan dalam kajian lepas mendapati ramai umat Islam tidak memahami amalan dan kaedah pembahagian pusaka dan ilmu faraid sehingga mengakibatkan pembekuan harta pusaka meningkat di Malaysia (Mansor, 2021). Menurut Wajis et al. (2018), masalah yang sering timbul dalam pembahagian harta pusaka yang digunakan oleh orang yang mengamalkan undang-undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan ialah adakah amalan pewarisan masyarakat Adat Perpatih merupakan adat yang diperakui oleh Syariah. Ini turut disokong oleh kajian Ahmad et al. (2019), selain tahap kefahaman masyarakat yang semakin berkurangan terhadap undang-undang tanah orang asli dan tanah adat, sebahagian daripada mereka juga tidak berkemampuan untuk mengaitkan hubungan pewarisan harta melalui tanah orang asli dan pusaka mengikut undang-undang Syariah.

## Metodologi

### ***Reka Bentuk Penyelidikan***

Kajian ini menggunakan tinjauan naratif keratan rentas yang dijalankan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif, khususnya temu bual separa berstruktur. Dalam kajian ini, kaedah temu bual digunakan untuk memahami subjek kajian dan perkara yang telah digunakan dalam kajian lepas (Robertson dan Samy, 2015; Gunarathne dan Senaratne, 2017).

Reka bentuk kajian naratif ialah reka bentuk inkuiiri dari bidang kemanusiaan di mana pengkaji mengkaji pengalaman individu dan meminta individu tersebut memberikan cerita tentang pengalaman mereka (Creswell, 2014; Riessman, 2008). Menurut Creswell (2014), pengkaji sering menceritakan semula maklumat dalam kronologi naratif. Dalam konteks kajian ini, cerita daripada responden tentang pengalaman dan pengetahuan mereka telah direkodkan dan ditulis tangan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat mengenai peranan Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam serta isu dan konflik berkaitan pertikaian harta pusaka Islam berdasarkan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

### ***Memilih Responden, Pengurusan Data Dan Analisis***

Pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan dalam menjalankan teknik temu bual dengan menemubual responden yang berpengalaman dan berpengetahuan tentang masalah kajian yang dikaji (Etikan et al., 2016). Sehubungan itu, pengkaji telah menemubual seorang hakim dan seorang lagi pegawai sulu di Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas. Kedua-dua responden ini dipilih adalah kerana terlibat secara langsung dalam pentadbiran di Mahkamah Syariah. Temu bual berlangsung selama kira-kira 50 hingga 60 minit setiap satu.

Temu bual dirakam melalui kaedah rakaman audio dan ditulis secara manual dalam buku nota sebagai simpanan tambahan sekiranya rakaman audio rosak atau musnah. Maklum balas kemudiannya ditranskripsikan untuk mendapatkan tema yang muncul melalui metodologi yang dicadangkan oleh Huberman dan Miles (1994).

Kajian data kualitatif melibatkan tiga sub-proses yang dikaitkan (Huberman dan Miles, 1994), dan ini adalah pengurangan data, paparan data, dan kesimpulan. Secara khusus, cerita yang diceritakan semasa temu bual telah ditulis oleh penyelidik dan seterusnya ditranskripsikan. Analisis pasca temu bual transkrip merangkumi carian terperinci untuk tema asas dalam bukti yang dikumpul. Berikutan transkrip awal yang dikaji, sistem pengekodan yang komprehensif telah dibangunkan secara intuitif untuk memudahkan pengenalpastian isu dan topik yang

muncul daripada analisis transkrip (“pengekodan terbuka”), seperti yang digariskan oleh Parker dan Roffey (1997).

Selanjutnya, selaras dengan Huberman dan Miles (1994), matriks dan templat yang meringkaskan tema yang dikenal pasti oleh setiap temu bual telah dibangunkan untuk memaparkan isu teras yang muncul daripada proses pengekodan. Ini membantu dalam mengenal pasti corak rentas kes dalam data, dengan corak utama menjadi jelas sebahagiannya dengan memetakan insiden relatif kod yang berbeza. Akhir sekali, nota lapangan terperinci, memo, ringkasan temu bual dan analisis selepas temu bual telah dikaji dan dianalisis bersama dengan matriks dan templat yang digariskan di atas. Untuk melindungi maklumat responden, nama mereka telah disulitkan seperti yang diminta oleh mereka.

## Dapatkan dan Perbincangan

### ***Peranan Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam***

Mahkamah Syariah adalah institusi yang berperanan dalam membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan hal ehwal Islam. Di samping itu, Mahkamah Syariah mempunyai peranan dan kuasa yang terhad dalam hal berkaitan harta pusaka Islam. Hal ini sebagaimana dinyatakan oleh informan 1 iaitu,

“Ringkasnya, Mahkamah Syariah ini mempunyai bidang kuasa untuk menentukan waris dan bahagian mereka tetapi bukan untuk proses pembahagian. Secara teorinya, pentadbiran ini adalah menguruskan harta pusaka sebelum mati sehingga selepas kematian, di mana harta itu diberikan secara sukarela berdasarkan prinsip dan konsep syariah seperti wasiat, hibah dan sebagainya. Selepas kematian, pentadbiran harta pusaka ini akan berlaku secara hierarki di mana ia mesti dilakukan mengikut sistem faraid dan boleh digabungkan dengan sistem sulh.”

Menurut informan 2,

“Mahkamah Syariah mempunyai pentadbiran yang agak terhad bagi tujuan pembahagian harta pusaka orang Islam kerana bidang kuasa Mahkamah ini agak terhad dalam perkara yang melibatkan faraid dan perkara yang dipertikaikan sebelum pembahagian dibuat. Berdasarkan pengetahuan kita, pembahagian atau pentadbiran harta pusaka orang Islam adalah tertakluk kepada Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955, maka ini adalah asas kepada pentadbiran harta pusaka orang Islam, justeru bidang kuasa Mahkamah Syariah ini adalah untuk menentukan ahli waris dan pembahagiannya dalam bentuk sijil yang menjadi rujukan tentang pembahagian waris. Selain itu, sebelum pembahagian dibuat mungkin akan berlaku perselisihan mengenai harta pusaka si mati, contohnya kemungkinan hibah, harta sepencarian dan sebagainya, maka ia mesti diputuskan oleh Mahkamah Syariah sebelum harta itu diputuskan untuk dibahagikan mengikut faraid.”

Berdasarkan maklum balas oleh kedua-dua informan tersebut, pentadbiran pusaka boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pengurusan pusaka sebelum kematian dan pengurusan pusaka selepas kematian. Ini berikutan harta pusaka hendaklah ditadbir dan diuruskan oleh waris si mati. Selain itu, kedua-dua mereka turut menyebut tentang sistem faraid, di mana harta si mati mesti diagihkan melalui sistem faraid. Oleh itu, Mahkamah Syariah berkuasa menentukan pembahagian kepada waris dan mengeluarkan sijil faraid.

Pembahagian harta pusaka diagihkan kepada ahli waris adalah untuk manfaat kepada mereka selepas kematian salah seorang daripada ahli waris seperti berlaku kematian bapa, maka anak-anak dan isteri si mati boleh memanfaatkan harta peninggalan tersebut. Selain itu, penetapan pembahagian yang dibuat oleh mahkamah syariah adalah untuk mengelak berlaku percaduhan dan perselisihan di kalangan ahli waris dalam mendapatkan harta pusaka. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Informan 1 iaitu;

“Harta peninggalan si mati adalah untuk dimanfaatkan oleh ahli waris. Jadi legasi yang ingin kita tinggalkan untuk generasi akan datang mestilah khazanah itu berguna kepada mereka. Menurut hadis, semasa solat jenazah, "janganlah kamu terhalang oleh pahala ini, dan janganlah kamu menimbulkan fitnah selepas kematian si mati." Dalam hadis ini, kita melihat bahawa jika kita tidak menguruskan harta peninggalan dengan baik, seolah-olah solat kita pada takbir keempat ketika berdoa kepada tuhan itu tidak diterima kerana selepas si mati itu meninggal dunia, berlaku percaduhan antara ahli waris mengenai harta pusaka. Justeru, perlu dielakkan berlaku fitnah selepas kematian si mati di mana harta pusaka si mati boleh dijadikan pahala kepada si mati dan memberi manfaat kepada waris si mati.”

Menurut informan 2,

“Harta pusaka yang ditinggalkan hendaklah membantu ahli waris dalam membina kehidupan mereka; sebagai contoh, seorang bapa boleh meninggalkan harta untuk digunakan oleh anak-anaknya, terutamanya mereka yang memerlukan kewangan, dan sebagainya. Bagaimana waris boleh menggunakan harta jika ia dibekukan kerana wang dalam bank tidak boleh dikeluarkan? Apabila harta dibekukan, bagaimanakah waris boleh mendapat manfaat jika harta yang dibekukan itu amat bernilai? Jadi apa yang boleh saya katakan bahawa harta pusaka ini sangat berfungsi untuk orang Islam, jadi waris mesti merancang lebih awal dalam pembahagian harta untuk mengelakkan isu yang tidak diingini.”

Berdasarkan pernyataan kedua-dua informan di atas, dapat disimpulkan bahawa harta pusaka berfungsi bagi orang Islam kerana harta peninggalan si mati boleh digunakan oleh waris sama ada untuk dirinya sendiri, untuk si mati mahupun untuk pembangunan ekonomi. Selain itu, dapatan temubual di atas turut menyatakan harta yang terbiar perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya bagi mengelakkan fitnah terhadap si mati.

Mahkamah Syariah berperanan mengeluarkan sijil faraid kepada umat Islam, dan melalui sijil faraid ini, umat Islam dapat mengetahui tentang penentuan pembahagian harta kepada ahli waris. Seperti yang sedia maklum, selepas selesai pengebumian si mati, prinsip syarak menyatakan harta si mati hendaklah segera diselesaikan. Walau bagaimanapun, waris sering tidak mengetahui cara menyelesaikan harta pusaka mereka. Justeru, Mahkamah Syariah ini berperanan mengeluarkan sijil faraid bagi memudahkan dan melancarkan pembahagian harta pusaka si mati, agar keadilan dapat dilakukan kepada ahli waris yang berhak mendapat harta pusaka si mati. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 1;

“Secara amnya, Mahkamah Syariah membantu dari segi undang-undang Syariah untuk menentukan pembahagian harta pusaka berdasarkan hak faraid, jadi ini adalah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dari aspek lain harta peninggalan si mati perlu diselesaikan terlebih dahulu, seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, “harta pusaka hendaklah diselesaikan selepas selesai pembahagian wasiat dan hutang.” Di mana perlu menyempurnakan wasiat dan

hutang dahulu, seperti yang kita faham mungkin ada tuntutan atau hak orang lain dalam harta peninggalan si mati seperti harta sepencarian atau hibah yang mesti ditentukan oleh Mahkamah Syariah. Contohnya, jika si mati ada melakukan hibah semasa hayatnya, maka ia perlu disahkan di Mahkamah Syariah. Justeru, Mahkamah Syariah terlibat dalam banyak aspek pengurusan harta orang Islam, khususnya hibah, wasiat, faraid, penentuan harta sepencarian dan lain-lain.”

Justeru, peranan Mahkamah Syariah dalam mengeluarkan dan mengesahkan sijil faraid telah ditetapkan dalam Akta Pentadbiran Agama Islam. Sebagai contoh, Seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan:

“Mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah mempunyai kewajipan untuk menentukan siapa yang berhak mendapat bahagian pusaka dalam mana-mana prosiding yang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka orang Islam yang telah mati. Atas permohonan mana-mana orang yang menuntut untuk menjadi benefisiari dan setelah membayar fi yang ditetapkan, Mahkamah Syariah boleh memperakui fakta yang ditemui olehnya tentang orang yang berhak mendapat bahagian dalam harta pusaka itu.”

Seterusnya, berdasarkan kenyataan informan, Mahkamah Syariah ini juga berbidang kuasa dalam menyelesaikan masalah melibatkan wasiat, harta sepencarian, hibah dan lain-lain. Oleh itu, hasil daripada kajian ini, dapat dirumuskan bahawa Mahkamah Syariah berperanan dalam mengeluarkan dan mengesahkan sijil faraid berdasarkan hak-hak yang ditetapkan dalam undang-undang Syariah berkaitan faraid.

Mahkamah Syariah, selain berperanan dalam mengeluarkan dan mengesahkan sijil faraid, turut berperanan dalam menentukan kadar harta sepencarian. Harta sepencarian ditakrifkan sebagai harta yang diperoleh secara bersama oleh suami dan isteri pada masa perkahwinan atau harta yang diperoleh semasa perkahwinan hasil daripada sumber atau usaha bersama mereka. Selepas perceraian atau kematian salah satu pihak, suami atau isteri mempunyai hak untuk menuntut harta sepencarian mereka (Zainon et al., 2021). Mahkamah Syariah di Malaysia mempunyai kuasa untuk mendengar pertikaian mengenai harta sepencarian orang Islam, dengan memutuskan sama ada suami atau isteri berhak ke atas harta tersebut dan menentukan kadar setiap bahagian terhadap pihak yang berhak. Sebagai contoh, Seksyen 122 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 memperuntukkan: “Mahkamah mempunyai kuasa apabila memberikan lafadz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya aset yang diperoleh pada masa perkahwinan dengan usaha bersama dibahagikan antara mereka atau supaya aset yang diperoleh pihak itu pada masa perkahwinan dengan usaha bersama dibahagikan antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan dibahagikan antara pihak itu..”

Selain itu, memastikan kesahihan wasiat, hibah, atau wakaf merupakan salah satu peranan Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam (Asni et al., 2017; Asni dan Sulong, 2016). Sekiranya isu-isu ini timbul semasa tuntutan harta pusaka si mati, Mahkamah Syariah negeri-negeri mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada wasiat, hibah atau wakaf yang dibuat oleh orang Islam adalah sah atau tidak di bawah undang-undang Syariah (Asni dan Sulong, 2021; Asni et al., 2020). Oleh itu, undang-undang dan pentadbiran harta pusaka selalunya melibatkan undang-undang Islam dan undang-undang pentadbiran. Bagi orang

Islam, mereka wajib mematuhi undang-undang Islam, dalam masa yang sama mereka juga wajib mengikut dan mematuhi undang-undang pentadbiran.

### Isu dan konflik berkaitan pertikaian harta pusaka Islam

Kemajuan sains dan teknologi serta pembangunan sosial masyarakat Islam telah menimbulkan banyak isu semasa yang memberi kesan tidak langsung kepada syariat Islam khususnya pembahagian harta pusaka umat Islam apabila berlaku kematian. Di antara isu yang timbul adalah para ahli waris tidak berpuas hati dengan ketetapan yang telah dibuat oleh mahkamah syariah. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 1 iaitu;

“Isu itu sebenarnya selalu berlaku di Mahkamah ini, kalau hendak selesaikan isu ini, contohnya soal undang-undang dan isu sosial. Sama ada isu sesama waris, misalnya undang-undang yang telah diputuskan tetapi orang ini tidak berpuas hati kerana si mati pernah berhutang dengannya dan apabila harta itu boleh berada di tangan anaknya, anak si mati tidak mahu membayar balik hutangnya, jadi, ini boleh dikatakan sebagai isu sosial.

Selain itu, saya teringat satu kes melibatkan kerabat diraja Kelantan yang tidak pernah berkahwin, tidak mempunyai suami atau anak, dan hanya mempunyai anak saudara. Dia mempunyai RM20 juta harta semasa kematiannya. Pada masa itu, dia mempunyai dua orang anak saudara dan seorang anak saudara, jadi jumlahnya adalah tiga orang. Sebab makcik bila sakit dan tak sihat hanya dua orang anak saudara yang menjaganya kerana mereka di Kelantan pada masa itu. Berikutan itu, seorang lagi anak saudaranya bekerja di sebuah bank di Kuala Lumpur, jadi apabila dia meninggal dunia, Mahkamah memutuskan bahawa keseluruhan harta si mati sebanyak RM20 juta diserahkan kepada anak saudaranya di Kuala Lumpur. Jadi disebabkan hukum faraid, harta itu sebenarnya akan jatuh kepada anak saudara. Selepas kes ini, anak-anak saudara arwah datang berjumpa saya, mereka bertanya dan berhujah kenapa perpecahan begini? Semasa arwah masih hidup, anak saudaranya tidak pernah pulang ke Kelantan dan menjaga arwah ketika sakit, hanya dua orang anak saudara yang menjaga ibu saudaranya. Apabila ibu saudara mereka meninggal dunia, seluruh harta hanya dapat diberikan kepada abang yang berada di Kuala Lumpur, dan apabila mereka meminta sedikit bahagian dari harta peninggalan arwah, anak saudara ini enggan memberikannya sama sekali. Ketika itu kes ini dibicarakan dan keputusannya dikeluarkan oleh Mahkamah Kota Bharu.

Pada asasnya kita sebagai umat Islam tidak boleh mempertikaikan hukum faraid kerana hukum tersebut telah ditetapkan oleh Allah SWT. Tapi sebenarnya kita boleh betulkan keadaan tersebut sejak dari awal iaitu dengan menentukan siapa yang berhak ke atas hartanya seperti wasiat atau hibah kerana hanya dua orang anak saudara ini yang menjaganya semasa hayatnya. Dia boleh membahagikan terus harta itu sebanyak RM20 juta dibahagikan kepada empat. Sekiranya ibu saudara mereka berumur dalam lingkungan 60-70 tahun, dia perlu membelanjakan RM15 juta dan memberi RM5 juta kepada anak saudaranya, jadi baki RM5 juta itu cukup untuk makan dan minum sekiranya dia panjang umur. Namun, kerana sikap acuh tak acuh yang menyebabkan isu seperti ini, orang akan mula mengatakan undang-undang tidak adil sehingga memburukkan ketetapan mahkamah syariah. Jadi kes ini boleh diklasifikasikan sebagai isu sosial dan undang-undang kerana kejahilan rakyat terhadap undang-

undang menyebabkan mereka bercakap sedemikian. Malah Allah telah menyatakan bahawa apabila manusia mati, sistem itu beroperasi dengan cara ini.”

Menurut informan 2 ialah;

“Sebenarnya ramai, sejak saya berkhidmat sebagai pegawai sulu dalam masa yang sama saya diberi kuasa sebagai hakim syariah. Hal-hal yang melibatkan hukum syariah yang memerlukan penjelasan, misalnya hibah yang diberikan kepada seseorang tetapi tidak dijelaskan, sehingga menimbulkan konflik di mana ada pihak yang mengatakan tidak ada hibah dan ada pihak yang mengatakan ada, sehingga Mahkamah Syariah berperanan dalam menyelesaikan verifikasi hibah. Selain itu, konflik yang melibatkan harta sepencarian, di mana harta yang ditinggalkan oleh si mati kepada ahli waris, tiba-tiba si isteri juga menuntut mengatakan itu juga hartanya justeru di sini timbul konflik harta sepencarian. Justeru, perkara-perkara ini telah dibantu oleh mahkamah syariah untuk menyelesaikan segala konflik yang berlaku khususnya mengenai harta pusaka si mati.

Tambahan pula, apabila konflik ini timbul, antara faktornya ialah kurangnya pengetahuan tentang faraid dan sikap manusia yang tidak mahu bertolak ansur. Di mana seseorang itu mahukan haknya, contohnya harta peninggalan si mati adalah rumah dan perlu dibahagikan mengikut hukum faraid tetapi apakah status isteri si mati kerana rumah yang ditinggalkan itu adalah rumah mereka. Kurangnya toleransi sesama manusia menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap waris itu sendiri. Ini kerana pembahagian harta pusaka bukan semata-mata aspek hak tetapi ia perlu melihat kepada aspek yang lebih luas seperti aspek kebajikan.”

Berdasarkan kenyataan kedua-dua informan di atas, dapat disimpulkan bahawa isu pewarisan melibatkan isu sosial. Isu sosial tersebut adalah berpunca daripada sikap pewaris yang tamak dan tidak bertolak ansur sesama ahli waris dan saudara-mara walaupun Mahkamah Syariah telah memutuskan pembahagian pusaka terhadap semua ahli waris yang layak. Selain itu, masyarakat kurang pengetahuan mengenai alternatif dalam menguruskan harta. Ini kerana, terdapat pelbagai insrumen lain dalam pengurusan harta seperti hibah. Justeru, seseorang itu boleh menghibahkan sebahagian hartanya bagi pihak yang tidak mendapat bahagian pusaka setelah berlaku kematian.

Justeru, untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai ilmu faraid, yang merupakan aspek penting dalam hukum pewarisan Islam, beberapa inisiatif perlu diambil iaitu;

- i. Mengadakan kursus atau bengkel mengenai harta pusaka di masjid, sekolah, dan pusat komuniti dengan melibatkan para ilmuan yang berpengalaman dalam bidang ini.
- ii. Memanfaatkan media-media sosial dengan menyebarkan video pendek, infografik, atau artikel yang mudah difahami dapat menjangkau khalayak yang lebih luas, terutama generasi muda.

- iii. Kerjasama dengan institusi pendidikan untuk memasukkan ilmu faraid dalam kurikulum atau sebagai mata pelajaran terkait hukum Islam akan memperluas pengetahuan di kalangan pelajar.
- iv. Penerbitan buku atau bahan pembelajaran yang menjelaskan ilmu faraid secara sederhana, termasuk contoh kes dan cara perkiraan pusaka, akan memudahkan pemahaman masyarakat.
- v. Mengadakan seminar dan konferens yang melibatkan pakar faraid, hakim, dan tokoh masyarakat untuk membahas dan menyebarkan pengetahuan tentang ilmu faraid.
- vi. Penyediaan khidmat nasihat atau konsultasi untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan dalam penentuan ahli waris dan perkiraan pembahagian harta pusaka.

Oleh itu, melalui langkah-langkah ini, ilmu faraid dapat disebarluaskan secara luas, membantu masyarakat memahami dan menerapkan hukum warisan Islam secara adil dan sesuai dengan syariat.

### **Kesimpulan**

Mahkamah Syariah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Senarai 2 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Syariah berperanan dalam mendengar dan memutuskan kes-kes yang melibatkan undang-undang Syariah dalam pengurusan dan pentadbiran harta Islam.

Dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang terhad iaitu mengeluarkan sijil faraid dan menentukan pembahagian waris dalam harta pusaka. Selain itu, Mahkamah Syariah juga turut berperanan dalam menyelesaikan pertikaian yang berkait rapat dengan harta pusaka seperti harta amanah si mati merangkumi wasiat, hibah, wakaf, nazar dan zakat, yang mana ia perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembahagian harta pusaka dibuat. Justeru, hanya harta yang disahkan sebagai pusaka sahaja yang layak dibahagikan kepada ahli waris yang berhak. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam serta menganalisis isu dan konflik berkaitan pertikaian harta pusaka Islam berdasarkan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa isu pewarisan yang dikenal pasti adalah berpunca daripada isu sosial. Isu sosial tersebut adalah berpunca daripada sikap pewaris yang tamak dan tidak bertolak ansur sesama ahli waris dan saudara-mara walaupun Mahkamah Syariah telah memutuskan pembahagian pusaka terhadap semua ahli waris yang layak. Justeru, beberapa cadangan telah digariskan dalam kajian ini untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat terhadap ilmu faraid.

### **Penghargaan**

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pemberian sama ada dalam sektor awam, komersial, atau bukan berdasarkan keuntungan.

**Rujukan**

- Abdullah, H. K. M., Ab Rahman, S., Khalid, R. M., & Abdullah, N. A. M. (2020). Perkembangan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 3(1), 42-53.
- Abu, J., Hamid, F., Abdullah, N., Yunus, N. M., & Zainudin, A. Z. (2022). Challenges of Idle Small Estate Issues and Potential Solution/Cabaran Isu Tanah Pusaka Terbiar Dan Potensi Penyelesaian. *Sains Humanika*, 14(3), 49-55.
- Abubakar, Y. S., Ogunbado, A. F., & Saidi, M. A. (2019). Islamic Law of Inheritance (Fara'id): The Best Way of Estate Planning. *International Journal of Research in Commerce and Management Studies*, 1(01), 43-52.
- Ahmad, F., Noor, F. M., & Azhar, A. (2017). Sejarah pelaksanaan hak pewarisan pusaka di zaman Jahiliyyah dan zaman pasca Islam: Kajian perbandingan. *UUM Journal of Legal Studies*, 8, 133-132.
- Ahmad, M. Y. (2017). Amalan Muafakat dan Aplikasi Takhāruj dalam Pengagihan Pusaka menurut Perspektif Undang-undang Pusaka Islam. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 39(1).
- Ahmad, M. Y., Ali, W. N. W., & Omar, A. F. (2019). Relevance of Takhāruj Approach in Resolving Problems of Islamic Inheritance Distribution in Malaysia. *Islamiyyat*, 41(2), 17-28.
- Ahmad, M. Y., Rozali, E. A., Adnan, N. I. M., Zakaria, Z., Omar, A. F., Jamsari, E. A., & Noor, N. A. M. (2020). Inheritance Management By Baitulmal in Malaysia: Role and Challenges. *International Journal of Advanced Research*, 8(10), 1113-1120.
- Asni, F. A. H. M., Sulong, J., & Ismail, A. (2017). Penggunaan hadis daif dalam fatwa mengenai wasiat di Malaysia serta langkah penyelesaiannya. *Journal of Hadith Studies*, 2(1), 39-50.
- Asni, F., & Sulong, J. (2021). The mura'ah al-khilaf and ma'alat method in fatwa decisions: its application for fatwa coordination related to conditional hibah in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 14(4), 641-654.
- Asni, F., Mahamud, M. A., & Sulong, J. (2020). Socio-economics and management of Muslim cemetery waqf using istibdal and GIS method in Penang state. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 11(7), 1343-1362.
- Asni, F., Sulong, J., & Ismail, A. (2021). Analysis of the use of Daif Hadith in the fatwa on Islamic inheritance law (Faraid) in Malaysia. *Islamiyyat*, 43(2), 17-26.
- Asni, M. F. A. H. M., & Sulong, J. (2016). Fatwa berhubung wasiat wajibah dan keseragaman peruntukannya dalam fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 5(1), 1-15.
- Creswell, J. W. (2014). *A concise introduction to mixed methods research*. SAGE publications.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American journal of theoretical and applied statistics*, 5(1), 1-4.
- Gunaratne, N., & Senaratne, S. (2017). Diffusion of integrated reporting in an emerging South Asian (SAARC) nation. *Managerial Auditing Journal*, 32(4/5), 524-548.
- Huberman, A. M., & Miles, M. B. (1994). Data Management and Analysis Methods' in Denzin, NK & Lincoln, YS (eds.) *Handbook of Qualitative Research*.
- Mahamood, S. M. (2020). ISU-ISU BERBANGKIT DALAM PENGURUSAN HARTA PUSAKA RINGKAS SECARA BERWASIAT DAN TIDAK BERWASIAT DI AMANAH RAYA BERHAD (ARB): Arising Issues in the Management of Simple

- Testate and Intestate Estates at Amanah Raya Berhad (ARB). *Journal of Shariah Law Research*, 5(2), 207-230.
- Mansor, M. S. (2021). Harta Beku Umat Islam: Penyelesaian Dari Aspek Perancangan & Pengurusan Pusaka:(Frozen Assets of Muslims: Solutions from the Aspect of Inheritance Planning and Management). *ICR Journal*, 12(2), 356-357.
- Nor, F. M., & Azhar, A. (2018). Perkembangan Undang-undang Pentadbiran Islam di Negeri Utara Semenanjung 1950-2016: Tumpuan dari Aspek Perundangan Pusaka. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 30(1), 147-183.
- Parker, L. D., & Roffey, B. H. (1997). Methodological themes: back to the drawing board: revisiting grounded theory and the everyday accountant's and manager's reality. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 10(2), 212-247.
- Rahman, N. S. A., Talib, H., Ghani, N. A., Salam, N. Z. M. A., & Abd Rahman, N. S. (2018). PENGURUSAN TUNTUTAN HARTA PUSAKA DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM: KAJIAN DI LEMBAH KLANG: Estate Claim Management among Muslim Community: A Study in Klang Valley. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 96-117.
- Riessman, C. K. (2008). *Narrative methods for the human sciences*. Sage.
- Robertson, F. A., & Samy, M. (2015). Factors affecting the diffusion of integrated reporting—a UK FTSE 100 perspective. *Sustainability Accounting, Management and Policy Journal*, 6(2), 190-223.
- Said, N. L. M., Ayub, W. A. A. W., Muda, M. Z., Yusoff, A. M., & Kashim, M. I. A. M. (2019). Pengamanahan dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam. *Islamiyyat*, 41(2), 71-79.
- Salleh, M. M., & Mahamood, S. M. (2019). Kaedah Agihan Bahagian Harta Pusaka dalam Kes Al-Haml: Methods of Inheritance in the Case Al-Haml. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 97-115.
- Wajis, N. R. N., Mutalib, L. B. A., Rahman, A. A., Sahid, M. M., Saleh, N. S. S. B. N., Rusli, M. H. B. M., ... & Ahmad, A. S. B. (2018). Harta tidak dituntut: Punca dan kaedah penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*.
- WAN, W., MUDA, M. Z., & KUSRIN, Z. M. (2021). Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 55-64.
- Yusoff, M. Z. W., Zaki, N. A., & Abdullah, L. (2021). Pentadbiran Undang-Undang Harta Pusaka Mualaf Di Malaysia: Satu Sorotan Literatur: Administration of Mualaf Inheritance at Wilayah Persekutuan: A Literature Highlights. *Jurnal Fiqh*, 18(2), 315-344.
- Zainon, M. M., Bakar, M. A., Zaghloul, S. G. G., & Urus, N. S. T. (2021). Pengklasifikasikan Harta Isteri Berpekerjaan Sebagai Harta Sepencarian: Satu Analisis Hukum dari Perspektif Urf: Classification of Property of a Carrier Wife as a Jointly Acquired Property: A Legal Analysis from The Perspective of Urf. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(2), 40-59.